

## **ARTIKEL KESELAMATAN JALAN RAYA:**

### **PENGGUNAAN PETAK KHAS UNTUK MOTOSIKAL DI PERSIMPANGAN BERLAMPU ISYARAT**

---

Motosikal adalah salah satu mod pengangkutan yang popular di Malaysia kerana harganya yang lebih murah berbanding kenderaan lain, kos bahan api yang rendah, serta lebih praktikal untuk mengelakkan kesesakan di waktu puncak. Secara purata, setiap tahun Malaysia merekodkan kadar peningkatan motosikal berdaftar sebanyak 5.6% dan peningkatan populasi motosikal ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada statistik kemalangan jalan raya melibatkan pengguna motosikal. Pada tahun 2018, daripada jumlah 6,284 kematian di jalan raya, 4,128 kematian adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal (65% daripada jumlah kematian di jalan raya). Justeru, jumlah kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan motosikal di Malaysia ini adalah amatlah membimbangkan.

Seperti yang ditekankan oleh Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) iaitu Ts. Ir. Dr Khairil Anwar, peningkatan tahap keselamatan pengguna motosikal di Malaysia adalah merupakan salah satu agenda utama MIROS sejak ditubuhkan pada tahun 2007 lagi. Pelbagai kajian dan usaha telah dijalankan untuk mengekang peningkatan statistik kemalangan ini. Antara pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia termasuklah mengasingkan motosikal yang bersaiz dan berkapasiti kecil ini daripada kenderaan lain yang lebih besar,ewartakan undang-undang pemakaian topi keledar keselamatan yang memenuhi piawaian keselamatan, menggalakkan penggunaan jaket keselamatan, mewajibkan motosikal memasang lampu walaupun pada waktu siang serta kempen dan program berasaskan komuniti untuk meningkatkan keselamatan pengguna motosikal. Walau bagaimanapun, keselamatan motosikal di kawasan berisiko tinggi seperti di persimpangan masih rendah atau sering diabaikan. Statistik menunjukkan bahawa lebih daripada 19% kemalangan maut yang melibatkan motosikal di Malaysia adalah berlaku di persimpangan.

Penyediaan petak khas untuk penunggang motosikal di persimpangan atau turut dikenali sebagai Zon Kelegaan Motosikal atau *Advanced Stop Line* atau *Advanced Stop Box* atau *Red Motorcycle Box* dilihat semakin popular di Malaysia. Petak khas ini berfungsi supaya motosikal dapat memulakan perjalanan terlebih dahulu apabila lampu isyarat lalu lintas berubah daripada merah kepada hijau. Namun sejauh mana petak khas ini mampu meningkatkan keselamatan pengguna motosikal masih menjadi tanda tanya.




*\*Gambar menunjukkan Zon Kelegaan Motosikal*

Penyediaan petak khas di persimpangan ini dilihat mampu menonjolkan kehadiran motosikal dan seterusnya meningkatkan kebolehlihatan terhadap pengguna jalan yang bersaiz kecil ini. Dengan meletakkan penunggang motosikal di dalam jarak penglihatan pemandu lain, ini sekaligus dapat mengurangkan peluang motosikal berada di titik buta pemandu atau mengelakkan senario 'motosikal muncul dari mana-mana arah secara tiba-tiba'. Penggunaan petak khas ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru sebaliknya telah digunapakai di negara-negara maju untuk mengawal pergerakan dan meningkatkan keselamatan pengguna basikal di persimpangan. Walaupun pelbagai kajian telah menyatakan kesan-kesan positif petak khas ini di negara-negara maju, keberkesanannya di negara-negara membangun di mana tingkah laku dan corak trafiknya adalah berbeza masih kurang diterokai.

Dalam satu kajian yang dijalankan di MIROS yang diketuai oleh Norfaizah Mohamad Khaidir, secara purata hanya 57% penunggang motosikal yang diperhatikan menggunakan petak khas yang disediakan ini semasa sela lampu merah manakala 35% didapati berhenti di hadapan petak khas dan 8% memilih untuk berhenti di belakang dan di antara pengguna jalan yang lain. Ketidakpatuhan terhadap

penggunaan petak khas ini boleh dikaitkan dengan penyalahgunaannya yang tinggi oleh kenderaan lain sehingga mengurangkan kawasan yang tersedia untuk motosikal.



Pada masa ini, pihak MIROS sedang dalam kajian untuk mencadangkan penambahbaikan kepada petak khas untuk motosikal ini disamping meneroka cadangan untuk menyediakan sela lampu isyarat khas untuk memberi keutamaan pergerakan kepada motosikal di persimpangan.

**Penulis:**

**Norfaizah Mohamad Khaidir**

Pegawai Penyelidik

Kluster Keselamatan Persimpangan (*Intersection Safety Cluster*)

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)